

PENGHAYATAN SOLAT DAN PENGIMARAHAN MASJID: KAJIAN DALAM KALANGAN PELAJAR UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

Shukri Ahmad, Yahya Don, Wan Abdul Rahman Khudri Wan Abdullah,
Madiha Mohammed Ibrahim & Shahril Fazli Mat Hussain

ABSTRAK

Penghayatan solat dan pengimarahannya merupakan antara ukuran utama terhadap tahap pegangan keagamaan seseorang Muslim. Para remaja khususnya di institusi pengajian tinggi adalah golongan pemangkin masa depan ummah yang seharusnya mempunyai keutuhan iman dan spiritual bagi menghadapi cabaran semasa. Berlandaskan premis ini kajian mengenai aspek di atas telah dilakukan terhadap golongan pelajar-pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM) pada tahun 2013. Kajian dilakukan bertujuan untuk meneliti tahap penghayatan dan pengimarahannya di kalangan pelajar UUM disamping mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi tahap penghayatan dan pengimarahannya tersebut. Kajian ini melibatkan 1000 orang responden yang terdiri daripada pelajar tahun satu hingga empat dari UUM. Kaedah pengumpulan data dilakukan adalah melalui kaedah soal selidik. Hasil kajian ini menunjukkan penghayatan solat masih rendah, pelaksanaan solat tidak dianggap penting di samping solat dianggap bukan keutamaan. Manakala tahap pengimarahannya juga masih rendah. Aspek gaya hidup juga memainkan peranan terhadap kewujudan faktor-faktor di atas. Kertas kerja ini akan memberikan cadangan khusus bagi meningkatkan tahap penghayatan dan pengimarahannya masjid khusus bagi UUM, dan kepada pusat pengajian tinggi lain umumnya.

Bidang Kajian: *Solat, Pengimarahannya Masjid, Universiti Utara Malaysia, Institusi pengajian Tinggi*

1. Pendahuluan

Dalam era kemajuan teknologi masa kini, dapat disaksikan betapa hebatnya gejala keruntuhan akhlak yang melanda masyarakat dunia termasuk di Malaysia. Antara gejala keruntuhan akhlak tersebut ialah bersedudukan, berzina, sumbang mahram, pembuangan bayi, minum arak, penggunaan pil khayal, berjudi dan penagihan dadah yang kelihatannya terus bermaharajalela. Di Malaysia sendiri, kes pembuangan bayi saban tahun bertambah. Menurut perangkaan statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), purata tiga orang bayi dibuang setiap dua minggu di negara ini sepanjang tahun 2007 hingga April, membabitkan 312 kes. Statistik kes pembuangan bayi yang dikeluarkan Polis Diraja Malaysia (PDRM) pula menunjukkan 396 kes dicatatkan dari tahun 2005 hingga 2009. Trend peningkatan ini nampaknya terus menerus berlaku. Sebanyak 67 kes dilaporkan pada tahun 2005, 83 kes pada tahun 2006, 65 kes pada tahun 2007, kemudian meningkat sebanyak 102 kes pada tahun 2008 dan 79 kes pada tahun 2009.

(<http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Empatlagikesbuangbayi/Article> dicapai pada 14 Ogos 2010).

Kebanyakan gejala keruntuhan akhlak membabitkan golongan remaja dan belia. Mahasiswa adalah tergolong dalam kalangan ini. Ini bermakna, mahasiswa adalah golongan yang mudah terdedah dengan gejala negatif yang tersebut di atas. Aplikasi sistem teknologi maklumat yang tiada had, pengaruh media massa, mudah untuk mengakses laman sesawang yang negatif dan pergaulan berlainan jantina tanpa had menjadi faktor memperkukuhkan lagi gejala keruntuhan akhlak ini. Kesannya, ialah para mahasiswa yang merupakan golongan remaja mula melanggar norma dan batasan agama. Hal ini akan lebih parah apabila para mahasiswa tidak dapat disuntik rasa takut kepada Allah. Perasaan tidak takut ini sebenarnya berkait rapat juga dengan sikap mengabaikan

ibadat solat. Sebabnya, solat merupakan salah satu kaedah utama menghindarkan mereka daripada melakukan perbuatan keji dan mungkar. Hal ini bertepatan dengan firman Allah SWT yang bermaksud, *“Sesungguhnya solat itu mencegah daripada perbuatan keji dan mungkar”* (Surah Al-Ankabut, ayat : 45).

Selain itu, solat mempunyai hubungan yang cukup rapat dengan peranan dan fungsi masjid. Ini kerana masjid adalah tempat menunaikan solat. Jika orang Islam mengerjakan solat dan ianya dikerjakan pula di masjid secara berjemaah, maka mereka telah melaksanakan dua perkara utama iaitu mewujudkan rasa takut kepada Allah dan melaksanakan fungsi masjid sebagai pengawal kemungkaran sosial. Fungsi masjid ialah menggandakan barakah dan pahala yang berlipat ganda. Daripada ‘Abdullah bin ‘Umar, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: *“Solat berjemaah lebih utama jika dibandingkan dengan solat sendirian dengan 27 darjat.”* (Hadis riwayat Bukhari)

Pengimarahannya merupakan lambang kekuatan syiar Islam. Semakin ramai makmum berjemaah, semakin banyak pahala yang diperolehi. Ubai bin Ka’ab meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: *“Sesungguhnya solat seseorang bersama seseorang lebih utama daripada solatnya sendirian, dan solatnya bersama dua orang, lebih utama daripada solatnya dengan seorang dan jumlah yang lebih banyak, maka itulah yang lebih disukai oleh Allah.”* (Hadis riwayat Abu Dawud).

2. Permasalahan Kajian

Solat merupakan asas kekuatan diri seseorang Muslim. Individu Muslim itu mudah terjebak dalam gejala sosial seperti berzina, merempit, menonton video lucah dan aktiviti keruntuhan sosial yang lain sekiranya mengabaikan solat. Kesan pengabaian solat seperti yang dinyatakan di atas jelas berlaku secara berleluasa dalam kalangan remaja dan masyarakat Islam hari ini. Hal ini bertepatan dengan firman Allah SWT bahawa solat merupakan benteng diri seseorang Muslim daripada perlakuan keji dan mungkar. Firman Allah SWT yang maksudnya: *“ Dirikanlah solat, sesungguhnya solat itu dapat mencegah daripada perbuatan keji dan mungkar”* (Surah Al-Ankabut, ayat : 45). Ayat di atas menjelaskan bahawa tanpa ibadat solat, seseorang itu akan mudah terjebak dengan perbuatan keji dan mungkar.

Mahasiswa yang merupakan golongan remaja juga mudah terdedah dengan pelbagai gejala sosial. Ini bermakna apabila mahasiswa tidak melaksanakan ibadah solat atau mengabaikan solat, mereka seolah-olah mendedahkan diri kepada pengaruh gejala sosial ini. Pada hakikatnya, terdapat kalangan mahasiswa di institusi pengajian tinggi yang tidak menunaikan solat. Keadaan ini dapat dilihat dengan jelas berdasarkan kehadiran mahasiswa untuk melaksanakan ibadah solat di masjid dan surau IPT yang rendah. Ini secara tidak langsung menggambarkan amalan solat dalam kalangan mereka juga masih rendah. Buktinya, Pengarah Pusat Islam UUM, Dr. Wan Abdul Rahman Khudzri, menjelaskan jumlah pelajar UUM yang hadir ke surau dewan penginapan masing-masing hanya sekitar 0.5 peratus sahaja. Sementara jumlah pelajar yang hadir pada solat jemaah harian di Masjid Sultan Badlishah, UUM adalah sekitar 0.1 peratus (wawancara, 12 Oktober 2010). Menurut pengamatan beliau, didapati penghayatan solat dalam kalangan mahasiswa universiti juga masih pada tahap yang rendah. Berdasarkan hal ini, adalah penting untuk diteliti kebenaran kenyataan tersebut dan seterusnya menjelaskan punca kekurangan jumlah pelajar yang hadir mengimarahkan masjid terutama di Universiti Utara Malaysia.

Pengimarahannya merupakan perkara penting dalam membendung gejala sosial. Masjid yang berfungsi sebagai tempat ibadah, tempat pendidikan dan dakwah, serta pelbagai program masjid dapat berperanan membendung gejala sosial (Asmak dan Zulekha, 2004). Masjid yang ramai jemaah dan makmur dengan pelbagai aktiviti melambangkan masyarakat Islam sekitarnya adalah masyarakat berilmu, berakhlak dan bermoral. Kekuatan Islam terletak pada sistem sosial yang dibina dalam

masyarakat. Membangunkan masyarakat adalah dengan membangunkan kekuatan material dan kerohanian. Sementara kekuatan rohani tercermin melalui pengimarahkan masjid yang berteraskan iman, taqwa dan petunjuk Allah (Shukri dan Mohamad Khadafi, 2004). Namun, kebanyakan masjid sekarang tidak berfungsi dengan baik sebagai tempat ilmu dan dakwah. Di sesetengah tempat, masjid terus dikunci kerana aspek keselamatan. Masjid seolah-olah dibudayakan sebagai tempat kunjungan orang-orang tua sahaja (Hasni dan Abdullah, 2004) dan hak golongan agamawan semata-mata (Mohd. Ghazali Abdul Aziz, 2001). Ekoran daripada kekurangan pengimarahkan masjid, aktiviti yang berkaitan dengan masjid juga kurang mendapat sambutan. Fenomena kekurangan jamaah ini bukan sahaja berlaku di masjid-masjid di bandar dan di kampung tetapi juga di masjid institusi pengajian tinggi termasuk masjid di Universiti Utara Malaysia (UUM).

3. Objektif Kajian

1. Mengenalpasti tahap penghayatan ibadat solat dalam kalangan pelajar UUM.
2. Mengenalpasti tahap pengimarahkan masjid dalam kalangan pelajar UUM.
3. Meneliti kaitan faktor luaran (melayari internet, tidur lewat, *dating*) dalam mempengaruhi penghayatan ibadat solat dan pengimarahkan masjid di kalangan pelajar UUM.

4. Reka Bentuk Kajian

Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif dan kualitatif. Kajian kuantitatif mengaplikasikan tinjauan keratan rentas berdasarkan instrumen yang dijawab oleh responden. Ia digunakan bagi mendapatkan maklumat mengenai personaliti, pandangan dan tingkah laku pelajar-pelajar yang dikaji. Dalam kajian ini, instrumen secara langsung digunakan. Subjek kajian dipilih berdasarkan persampelan keberangkalian (*probability sampling*) untuk mendapatkan data daripada populasi. Jumlah keseluruhan pelajar Universiti Utara Malaysia dianggarkan seramai 20,000 orang di empat kawasan Dewan Penginapan Pelajar (DPP) yang dikaji. Satu set instrumen digunakan untuk mengumpul data-data asas pada bahagian pertama kajian ini. Instrumen ini dibahagikan kepada enam bahagian iaitu (i) Maklumat demografi; (ii) Latar belakang keluarga; (iii) Amalan solat; (iv) Pengimarahkan masjid; (v) Gaya hidup, dan (vi) Faktor ketidakhadiran ke masjid. Namun, kertas ini tidak kan menyentuh mengenai dapatan mengenai maklumat demografi dan latar belakang keluarga pelajar.

5. Dapatan Deskriptif

5.1 Tahap Penghayatan Amalan Solat Responden

Analisis pada bahagian ini bagi meneliti tahap penghayatan amalan solat oleh responden kajian. Dapatan analisis deskriptif dalam kajian ini berdasarkan nilai min bagi mengukur tahap penghayatan amalan solat oleh responden kajian. Dapatan analisis mendapati nilai min yang tertinggi merangkumi item seperti, *saya agak jarang menunaikan waktu solat (3.33)*, *saya berzikir dan berdoa selepas setiap waktu fardhu (3.19)*, *saya sentiasa berusaha untuk solat sebaik sahaja masuk waktu solat (3.15)*, *saya sentiasa menunaikan solat fardhu lima waktu dalam waktunya (3.10)*, *jika saya tertidur melepasi waktu dan saya akan mengqhadakannya (2.95)*. Hal ini dapat dilihat dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Tahap Amalan Solat Responden.

Item penghayatan amalan solat	Min	SP
Saya mengamalkan solat sunat utama seperti sunat <i>qabliyah</i> dan <i>ba'diah</i>	2.26	.67
Saya sentiasa berusaha untuk solat sebaik saja masuk waktu solat	3.15	0.601
Saya sentiasa menunaikan solat fardhu lima waktu dalam waktunya	3.09	1.21

Saya selalu mendirikan solat sunat utama	2.52	3.30
Saya masih belum mengqadhakan solat fardhu yang tertinggal	2.43	0.73
Kadangkala saya tidak menunaikan solat cukup lima waktu	2.50	0.78
Saya agak jarang menunaikan solat	3.33	0.98
Saya berzikir dan berdoa selepas setiap solat fardhu	3.19	3.27
Kadang-kadang saya terleka mengenai waktu solat sehingga saya perlu mengqadhanya	2.49	0.78
Ada ketikanya saya tertinggal solat fardhu kerana terlalu letih	2.51	1.28
Saya tidak pernah meninggalkan solat	2.08	0.66
Saya akan menangguhkan solat sekiranya saya perlu melakukan tugas yang penting	2.11	0.77
Jika saya tertidur melepasi waktu, saya akan mengqadhakannya	2.94	1.20
Jika saya sedang menjalankan tugas dan masuk waktu solat, saya akan menyelesaikan dahulu tugas sebelum berhenti untuk solat.	2.47	0.94
Saya akan menangguhkan solat jika tidak dapat berwuduk dengan sempurna	2.43	0.73
Saya bersolat jemaah sekurang-kurangnya sekali sehari	2.2105	0.64

5.2 Tahap Pengimarah Masjid

Seterusnya bagi pembolehubah mengimarahkan masjid pula (Jadual 21), item-item yang menunjukkan purata yang tertinggi melibatkan item seperti *saya pernah mengikuti ceramah atau kelas agama di masjid (3.02)*, *saya pernah menghadiri majlis ilmu agama dalam tempoh sebulan yang lepas di masjid (2.53)*, *saya menghadiri majlis ilmu sekurang-kurangnya seminggu sekali di masjid (2.23)*, *saya menghadiri kuliah maghrib sekurang-kurangnya seminggu sekali di masjid (2.17)* dan *saya mengikuti majlis bacaan Yassin setiap malam Jumaat di masjid (2.12)*.

Jadual 2: Tahap Imarah Masjid.

Item pengimarah masjid	Min	SP
Saya pernah menghadiri majlis ilmu agama dalam tempoh sebulan yang lepas di masjid	2.53	.74
Saya menghadiri majlis ilmu sekurang-kurangnya seminggu sekali di masjid	2.20	.64
Saya pernah mengikuti ceramah/ kelas agama di masjid	3.01	.65
Saya menghadiri kuliah maghrib sekurang-kurangnya seminggu sekali di masjid	2.16	.59
Saya mengikuti majlis bacaan Yassin setiap malam Jumaat di masjid	2.12	.57
Saya solat berjemaah di masjid pada setiap waktu solat fardhu	2.05	.52

5.3 Amalan Gaya Hidup Responden

Analisis dapatan kajian terhadap pembolehubah gaya hidup menunjukkan nilai min yang tinggi (Jadual 22). Antara item-item yang menyumbang purata yang tertinggi merangkumi item seperti *saya tidak suka dengan aktiviti berbentuk kerohanian (3.31)*, *saya tidak suka muzik irama nasyid (3.30)*, *saya tidak suka bergaul dengan kawan-kawan selepas waktu kuliah (3.26)*, *saya suka melayari*


Internet sehingga jauh malam (2.56) dan saya lebih suka menyendiri di dalam bilik selepas habis kuliah (2.51).

Jadual 3: Amalan Gaya Hidup.

Item amalan gaya hidup	Min	SP
Saya suka melayari internet sehingga jauh malam	2.55	.78
Saya suka bermain game sehingga lewat malam	2.05	.80
Saya sering melepak dengan kawan-kawan sehingga jauh malam	2.13	1.10
Saya lebih suka menyendiri di dalam bilik selepas habis kuliah	2.51	1.42
Saya meminati muzik hip hop	2.09	1.45
Saya tidak suka muzik irama nasyid	3.30	.96
Saya lebih berminat dengan gaya hidup moden masa kini	2.24	.73
Saya tidak suka dengan aktiviti berbentuk kerohanian	3.30	.70
Saya tidak suka bergaul dengan kawan-kawan selepas waktu kuliah	3.25	.66
Saya pernah melakukan hubungan seks sebelum kahwin	1.25	.55

5.4 Pengimaran Masjid Secara Umum

Dapatan analisis data seterusnya ialah mengenai tahap pengimaran masjid oleh responden kajian. Dapatan berkaitan tahap pengimaran masjid ditunjukkan dalam bentuk frekuensi berdasarkan item-item yang dijawab oleh responden berkaitan dengan pengimaran masjid. Hal ini ditunjukkan di dalam Rajah 17.



Rajah 18. Frekuensi item pembolehubah pengimaran masjid.

Analisis data kajian menunjukkan purata tertinggi bagi pembolehubah pengimaran masjid. Item yang menunjukkan purata yang tertinggi adalah merangkumi pernah mengikuti ceramah atau kelas agama di masjid (64.9 peratus), saya pernah menghadiri majlis ilmu agama dalam tempoh sebulan

yang lepas (38.4 peratus) dan menghadiri kuliah maghrib sekurang-kurangnya seminggu sekali di masjid (17 peratus).

Bagi purata item yang terendah merangkumi pernah menghadiri ceramah atau kelas agama di masjid (1.6 peratus), pernah menghadiri majlis ilmu agama dalam tempoh sebulan yang lepas di masjid (4.9 peratus) dan menghadiri majlis ilmu sekurang-kurangnya seminggu sekali di masjid (6.9 peratus).


Merujuk kepada Rajah 17 di atas, didapati 76 peratus responden tidak menunaikan solat berjemaah di masjid berbanding hanya 13.8 peratus sahaja yang menyatakan mereka bersolat jemaah di masjid. Dalam aspek program atau majlis bacaan Yassin setiap malam jumaat di masjid, 74 peratus menyatakan mereka tidak mengikuti program tersebut jika dibandingkan hanya 14 peratus sahaja yang akan berada di masjid bagi mengikuti majlis bacaan Yassin pada setiap malam Jumaat. Hal yang sama juga dapat diperhatikan di mana 72.5 peratus responden tidak pernah menghadiri kuliah maghrib walau pun seminggu sekali, dan hanya 19.4 peratus responden yang mengikuti program tersebut di masjid seminggu sekali. Kecenderungan yang sama juga ditunjukkan oleh responden berkaitan majlis ilmu yang diadakan di masjid seminggu sekali.

Namun begitu, tahap pengimarahannya menunjukkan peningkatan yang positif terutamanya apabila melibatkan majlis ceramah yang diadakan di masjid di mana 64.9 peratus menyatakan bahawa mereka pernah menghadiri majlis tersebut sekurang-kurangnya sekali. Hal yang sama juga dapat diperhatikan berkaitan majlis agama yang diadakan di masjid dalam tempoh sebulan sekali. Data memperlihatkan 46.4 peratus menyatakan tidak pernah menyertai majlis tersebut di masjid dan hanya 38.4 peratus menyatakan mereka pernah menghadiri majlis agama dalam tempoh sebulan sebelum itu yang diadakan di masjid.

5.5 Pengaruh Gaya Hidup Secara Umum

Dapatan daripada analisis data seterusnya adalah berkaitan dengan faktor-faktor gaya hidup responden yang mempengaruhi tahap penghayatan solat dan pengimarahannya di masjid. Dapatan menunjukkan pembolehubah gaya hidup iaitu tidak suka bergaul dengan kawan-kawan selepas waktu kuliah (55 peratus), tidak suka dengan aktiviti berbentuk kerohanian (51.5 peratus) dan tidak suka muzik irama nasyid (47 peratus).

Bagi item yang menunjukkan purata yang terendah meliputi tidak suka bergaul dengan rakan-rakan selepas waktu kuliah (0.6 peratus), tidak suka aktiviti berbentuk kerohanian (1.1 peratus) dan tidak suka irama nasyid (1.6 peratus) (Rajah 18).



5.6 Tahap Penghayatan Ibadat Solat Dalam Kalangan Pelajar UUM

Berdasarkan hasil analisis kajian menunjukkan bahawa penghayatan ibadah solat dalam kalangan pelajar UUM masih rendah. Analisis min menunjukkan pelajar-pelajar UUM masih ramai yang tidak menunaikan solat fardhu sepenuhnya. Hasil kajian juga mendapati bahawa sebahagian besar pelajar UUM tidak menjadikan amalan solat sebagai suatu kemestian. Berdasarkan keseluruhan kenyataan di atas dapat dirumuskan bahawa pelajar UUM secara umumnya masih tidak mengambil berat aspek penghayatan ibadah solat. Hal ini mungkin disebabkan faktor latar belakang keluarga yang kurang didikan agama, kesibukan aktiviti dalam kampus, teknologi media, kurang bimbingan agama, persekitaran dan rakan-rakan yang mempengaruhi pengabaian solat dalam kalangan mahasiswa. Kenyataan ini bertepatan dengan kajian M. Salleh (1985) yang menjelaskan faktor persekitaran dan pegangan agama yang lemah merupakan penyebab pengabaian solat dan meyumbang kepada keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja kini. Kajian Ahmad Kilani et. al (2004) juga mengaitkan aspek disiplin dengan pengabaian solat. Individu yang kurang berdisiplin akan mudah mengabaikan solat. Ini bermakna solat boleh membentuk disiplin diri yang tinggi dalam kalangan remaja dan mahasiswa.

5.7 Tahap Pengimarahannya Masjid Dalam Kalangan Pelajar UUM

Berdasarkan dapatan kajian, didapati tahap pengimarahannya masjid dalam kalangan mahasiswa UUM masih rendah terutamanya kehadiran mereka untuk solat berjemaah di masjid. Demikian juga aspek kehadiran mahasiswa dalam majlis bacaan surah Yassin setiap malam Jumaat di masjid masih rendah walaupun pihak pengurusan masjid UUM mengadakannya pada setiap minggu. Begitu juga kehadiran pelajar mengikuti kuliah maghrib di masjid juga masih pada tahap yang rendah. Mengikut temu bual dengan Pegawai Agama Pusat Islam UUM, kehadiran pelajar UUM dalam kuliah maghrib pada setiap malam hanyalah sekitar 10 hingga 15 orang sahaja (temu bual, September 2011). Kebanyakan pelajar mengakui mereka sangat jarang mengikuti majlis ilmu di masjid UUM. Keadaan ini amat membimbangkan kerana para pelajar UUM terdedah kepada masalah sosial tanpa mendapat pendedahan ilmu yang dapat mengawal mereka dari terjerumus ke arah perbuatan yang tidak bermoral. Kajian oleh Aswati Hamzah (2007) mendapati faktor persekitaran sosial yang tidak membina seperti pengaruh media massa dalam menyebarkan budaya hidup glamor, budaya hiburan, nilai-nilai hidup materialistik menjadi penyumbang utama terhadap keruntuhan moral dalam kalangan mahasiswa. Selain itu, faktor yang melibatkan kekeliruan minda, kerapuhan pegangan agama dalam kalangan masyarakat umum khususnya generasi muda dan sikap negatif terhadap jaringan komunikasi dalam masyarakat juga menyebabkan keruntuhan akhlak dalam kalangan masyarakat Islam. Kekurangan kemahiran dan pengamatan intelektual yang kurang tajam

menjadikan mereka mudah goyah dan tidak dapat membuat pertimbangan yang jelas dan tepat apabila berhadapan dengan perkembangan semasa, akibatnya, akhlak pelajar Islam menjadi semakin merosot (Abd. Kadir Ariffin, 2003).

Selain itu, kadar pengimarahannya masjid yang rendah ini mungkin disebabkan oleh faktor lokasi masjid yang jauh dari Dewan Penginapan Pelajar (DPP), ketiadaan kemudahan pengangkutan, aktiviti masjid dan prasarana. Hal ini selaras dengan kajian Hasni dan Abdullah (2004) yang menyatakan perlunya penambahbaikan dari segi kemudahan dan pengurusan masjid dalam usaha memperbaiki pengimarahannya masjid.

5.8 Faktor-Faktor Luaran Yang Mempengaruhi Penghayatan Ibadat Solat Dan Pengimarahannya Masjid Dalam Kalangan Pelajar UUM

Berdasarkan dapatan kajian, pelajar UUM didapati mengamalkan gaya hidup yang kurang bersosial, lebih suka menyendiri dan tidak suka bergaul. Hal ini menyebabkan mereka tidak mahu terlibat dalam aktiviti kerohanian dan aktiviti yang dianjurkan di masjid. Mereka juga didapati kurang berminat dengan muzik terutama irama nasyid. Ini bermakna pelajar UUM lebih mengamalkan gaya hidup menyendiri dengan melayari internet dan bermain permainan video. Gaya hidup ini lebih membimbangkan jika pelajar UUM melayari laman-laman sesawang yang tidak bermoral. Hal ini akhirnya akan memberi kesan pada pengimarahannya masjid yang memerlukan mereka bergaul dengan orang ramai atau pelajar lain. Tambahan lagi, keadaan ini amat membimbangkan kerana terdapat pelajar UUM yang melakukan hubungan seks sebelum nikah. Keadaan ini sebenarnya turut disumbangkan oleh persekitaran sosial masyarakat dan kemunculan era globalisasi yang menggalakkan pelajar berkelakuan sedemikian.

Kajian Eliade, M. dalam Lutpi Ibrahim (1993) menyebutkan persekitaran sosial dapat mengajar seseorang ke arah kebaikan atau sebaliknya menjadi penggalak kepada kemaksiatan. Impak faktor persekitaran ini dikaitkan dengan kemunculan era globalisasi yang dikatakan membawa gelombang perubahan besar dalam kehidupan masyarakat dunia hari ini. Hal ini telah dibayangkan 30 tahun lalu oleh Alvin Toffler dalam bukunya *Future Shock* (1970). Toffler (1970) menjelaskan bahawa perubahan pesat yang dialami tidak sahaja melanda dalam aspek teknologi, pengetahuan, gaya hidup, kemajuan ekonomi, malahan yang membimbangkan ialah keruntuhan institusi sosial akibat perubahan nilai-nilai baharu yang membawa kepada kejutan budaya. Hal ini berlaku kepada masyarakat maju juga dalam kalangan masyarakat membangun (Toffler, 1970). Impak globalisasi seperti *global village*, "berfikir secara global bertindak secara lokal", "*world class, strive for excellence*", telah kelihatan dalam masyarakat UUM. Pelbagai ideologi serta konsep baharu yang menjanjikan berlakunya rombakan besar dalam sistem nilai masyarakat seluruhnya telah dirasai kehadirannya (Abd. Rahman Embong, 2002). Ideologi-ideologi baharu dan asing ini menyerap masuk dalam sistem budaya masyarakat Islam melalui pelbagai cara terutamanya dalam bentuk hiburan seperti televisyen, internet, filem-filem dari luar negara, bahan-bahan bacaan dan lain-lain (Ismail Ibrahim, 1999).

Kajian Hanipah Hussin (2001) turut mengakui bahawa kebebasan mengakses dan memilih maklumat melalui laman-laman web terus diberi ruang dan menjadi punca kepada ketidakpedulian masyarakat terhadap persekitaran. Senario ini telah melahirkan sikap mementingkan kebebasan individu dan menolak amalan dan cara hidup masyarakat yang sedia ada. Kebebasan dalam dunia tanpa sempadan ini dikhuatiri akan melahirkan masyarakat UUM yang bersifat abstrak dan tidak mempunyai rasa bertanggungjawab terhadap perkara yang dikongsi. Impak yang kritikal ialah berlakunya pencairan prinsip agama, adab dan norma kehidupan sesuatu komuniti yang melenyapkan nilai-nilai etika dan estetika sesuatu bangsa.

5.9 Cadangan

Berdasarkan keputusan dan perbincangan yang berpandukan objektif kajian, berikut adalah cadangan dan langkah-langkah yang perlu diambil:

1. ke arah meningkatkan tahap penghayatan ibadat solat dalam kalangan mahasiswa, kajian ini mencadangkan hal-hal berikut:
 - (a) Para pelajar/mahasiswa adalah dicadangkan mengikuti siri modul khas bagi meningkatkan kecintaan kepada Allah dan tanggungjawab sebagai hamba khususnya dalam ibadat solat. Secara terperinci, modul-modul dicadangkan adalah seperti berikut:
 - (i) **Kesedaran diri sebagai hamba:** merujuk kepada latihan yang bertujuan untuk meningkatkan keyakinan diri terhadap Allah sebagai Pencipta.
 - (ii) **Kecintaan kepada pencipta:** merujuk kepada latihan bertujuan untuk mengukuhkan kecintaan kepada Allah melalui ibadat solat.
 - (iii) **Kemahiran diri sebagai khalifah:** merujuk kepada latihan bertujuan membentuk kemahiran diri sebagai pengurus dan pemimpin.
 - (b) Mencadangkan kepada pihak Pusat Islam untuk memperbanyakkan bahan penerbitan berkaitan kecintaan terhadap solat kepada pelajar.
 - (c) Mencadangkan kepada pengurusan universiti agar menubuhkan halaqah al-Quran dalam kalangan mahasiswa. Hal ini bertujuan untuk membolehkan mahasiswa menguasai bacaan al-Quran. Orang yang selalu membaca al-Quran, jiwanya tenang dan sentiasa memelihara solat.
2. Tahap pengimarahannya masjid dalam kalangan pelajar juga didapati masih rendah. Oleh yang demikian kajian ini mencadangkan hal-hal berikut:
 - (a) Penjadualan kehadiran ke masjid mengikut DPP dengan penyertaan semua lapisan warga DPP. Penjadualan ini hendaklah dilakukan khususnya pada waktu maghrib dan isyak sekurang-kurangnya sekali seminggu.
 - (b) Pengangkutan bas hendaklah mengambilkira laluan kawasan masjid pada setiap waktu solat.
 - (c) Membina sebuah perhentian bas dalam kawasan masjid bagi memudahkan para mahasiswa untuk hadir mengimarahkan masjid.
 - (d) Menjadikan masjid sebagai pusat kegiatan kerohanian pelajar. Pusat kegiatan kerohanian ini akan berfungsi menyelaras semua kegiatan berbentuk kerohanian dalam kalangan pelajar.
 - (e) Mempelbagaikan program-program berbentuk sosial dan sukan di perkarangan masjid. Program-program ini hendaklah dikendalikan bersama MPP, DPP dan persatuan pelajar serta Pusat Islam.
3. Banyak faktor-faktor luaran yang mempengaruhi penghayatan ibadat solat dan pengimarahannya masjid dalam kalangan pelajar. Berdasarkan dapatan kajian, para pelajar universiti mengamalkan gaya hidup yang tidak suka bersosial, lebih suka menyendiri, tidak suka bergaul dan suka melayari internet. Oleh itu kajian ini mencadangkan:
 - (a) Menggalakkan penglibatan mahasiswa dalam program-program berbentuk sosial dan sukan di perkarangan masjid. Program-program ini hendaklah dikendalikan bersama MPP, DPP dan Persatuan pelajar serta Pusat Islam.
 - (b) Mengadakan kursus-kursus kemahiran hidup di masjid seperti kelas memasak, kelas jahitan dan kelas menggubah bunga.
 - (c) Mewujudkan kemudahan ruang salun yang berasingan bagi lelaki dan wanita.
 - (d) Pihak pengurusan universiti disarankan mengambilkira aspek ibadah solat ketika membuat penjadualan kuliah dengan menyediakan ruang masa yang bersesuaian terutama solat zohor dan asar. Contohnya antara pukul 1.00 hingga 2.00 petang mesti dikosongkan dari apa-apa aktiviti supaya pelajar dan pensyarah boleh menunaikan solat dan makan.

5.10 Penutup

Daripada perbincangan yang dibuat, menunjukkan bahawa isu penghayatan solat dan pengimarahannya di masjid dalam kalangan pelajar universiti bukanlah satu isu yang boleh dipandang ringan. Isu ini patut diambil berat oleh semua pihak terutamanya oleh pihak pengurusan tertinggi universiti. Namun begitu isu ini sebenarnya bertitik tolak dari asuhan dan didikan ibu bapa sejak dari usia kanak-kanak lagi. Penekanan berkaitan solat sebagai perkara utama dan wajib dalam kehidupan seorang muslim hendaklah ditekankan dari peringkat kanak-kanak sehinggalah dewasa.

Secara keseluruhannya kajian ini membincangkan isu penghayatan solat dan pengimarahannya di masjid dalam kalangan pelajar universiti. Hasil kajian secara menyeluruh didapati para pelajar universiti tidak menitikberatkan amalan solat dalam kehidupan mereka. Hasil daripada pengabaian solat, masjid dan surau- surau universiti menjadi lapang dan kosong setiap kali waktu solat fadhu mahupun ketika program kuliah-kuliah agama diadakan.

Perbincangan dalam kajian ini juga mencadangkan peranan dari pelbagai pihak di universiti iaitu pihak pengurusan tertinggi, Pusat Islam, Hal Ehwal Pelajar (HEP) dan pendidik iaitu pensyarah dan tutor serta kakitangan universiti. Dengan penggabungan tenaga dari pelbagai pihak ini diharap dapat menyelesaikan isu ini dan seterusnya dapat mengembalikan kegemilangan masjid sebagai pusat kegiatan umat Islam.

Rujukan

- Abd. Aziz Harjin, Abdul Rashid Said Asghar dan Abdul Muin Abdul Rahman. (2002). *Pengurusan Masjid negeri Perlis: Satu Tinjauan*. Arau, Perlis: Biro Penyelidikan dan Perundingan UiTM.
- Abd. Hamid Othman. (2007). *Islam Hadhari Kekuatan Masjid Dalam Menjana Masyarakat Gemilang*. Kuala Lumpur: Yayasan Islam Hadhari.
- Al- Jawhari, Tantawi .(1952). *Al Jawahir Fi Tafsir Al Quran Al Karim*. Beirut: Dar Al Fikr.
- Al-Qaradhawi, Yusuf. (2000). *Tuntunan Membangun Masjid*. Jakarta: Gema Insani.
- Anastasi, A. (1982). *Contributions to differential psychology*. selected papers New York: Praeger
- Anastasi, A., Urbina, S. (1997). *Psychological testing*. New York: Prentice Hall.
- Anisah Ab. Ghani. (2001). *Konsep dan pengamalan solat satu kajian di zaman Rasulullah, sahabat & tabi'in*. Kuala Lumpur: Penerbit Al-Hidayah.
- Asmak Ali dan Zulekha Yusoff. (2004). Masjid dan Peranannya dalam Membendung Gejala Sosial. Dalam Asmadi Naim dan Mohd Yusnadi Md Sabri (ed.), *Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Masjid* (pp.325-336), Sintok: Pusat Islam, Universiti Utara Malaysia.
- Aswati Hamzah. (2007). Satu Kajian Skema Taakulan Akhlak Dalam Kalangan Pelajar Melayu. *Tesis Doktor Falsafah* (tidak diterbitkan), Pulau Pinang: USM.
- Barry L. Johnson, Jack K. Nelson. (1986). *Practical Measurements for Evaluation in Physical Education*. New York: Burgess Pub.

Cawangan Penerbitan Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri. (1995). *Membina Generasi Masjid*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam. Jabatan Perdana Menteri

Che Norzila Sulong. (2004). *Peranan Institusi Masjid ke Arah Pemantapan Akidah dan Pembangunan Ummah. Kajian di Kuala Terengganu*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Csikszentmihalyi, M. (1997). *Finding Flow: The Psychology of Engagement with Everyday* New York: Basic Books.

Ezad Azraai Jamsari, Siti Noorasikin Tumiran, Kaseh Abu Bakar dan Zamri Arifin. (2010). Peranan dan Sumbangan Institusi Masjid Dalam Pembangunan Masyarakat Melayu Islam di Singapura: Satu Kajian di Masjid Assyafaah, Sembawang. *Journal of Islamic and Arabic Education*. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia. 2 (2), m.s. 3144.

Fatimah Ibrahim, Wan Abu Bakar Wan Abas, Ng Siew Cheok. (2008). *Solat Kebaikan dari Perspektif Sains*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya

Fatimah Ibrahim, Wan Ahmad. (2008). *Study of Heart Rate Changes in Different Salat's Positions*, International Proceedings of the International Federation for Medical and Biological Engineering (IFMBE), Springer 2008, June 25-28.

Fink. A. (2003). *The Survey Kit: How to Manage, Analyze, and Interpret Survey Data*. UK: SAGE Publications, Inc.

Hamka. (1982). *Tafsir al-Azhar*. Singapura: Pustaka Nasional.

Hasni Othman dan Abdullah Abdul Ghani. (2004). Pengurusan dan Pengimarahkan Masjid di Perak. Dalam Asmadi Naim dan Mohd Yusnaidi Md Sabri (ed.), *Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Masjid* (pp.325-336), Sintok: Pusat Islam, Universiti Utara Malaysia.

<http://pakarhowto.com/cara-bagaimana/bagaimana-cara-untuk-pikat-remaja-ke-masjid.html>

http://www.hmetro.com.my/myMetro/articles/Minda_Masalahsosialresahkanibubapa/Article/index.html.

<http://www.mail-archive.com/palanta@minang.rantaunet.org/msg05676>

<http://www.muslimdiary.com/articles.php>

Ibn Manzur, Jamal al-Din Muhamad Mukarram. (t.t). *Lisan al-Arab* Beirut: Dar al-Sadir

Idris Ahmad, Ismail Md. Saman, Abdul Rashid Said Asghar, Ismail Yahya dan Abdul Rahman Said. (1998). *Satu Kajian Awal: Kedudukan Masjid di Negeri Perlis*. Shah Alam: Biro Penyelidikan dan Perundingan ITM.

Kamus Dewan. (2005). Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka.

Lathief Rousydiy. (1984). *Roh Shalat dan Hukumnya*. Penerbit Pirma "Rimbow" Jakarta: Medan.

Lutpi Ibrahim. (1993). *Antologi pemikiran Islam*. Kuala Lumpur: Hizbi.

Masor, P., D. Nurzaman. (1986). *Peranan Masjid Dalam Pembinaan Umat*. CV:Karya Putra

- Mohammad Salleh. (2007). *Terapi Solat Tahajjud*. Kuala Lumpur: PTS Millenia Sdn Bhd.
- Mohd Daud Hamzah. (1993). *Liputan Kurikulum Sekolah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Mohd Daud Hamzah dan Abd Rashid Mohamed. (2005). Kajian Korelasi Emosi Malu Dengan Pencapaian Akademik. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*. Pusat Pengajian Universiti Sains Malaysia. Jilid 20 m.s. 153-167.
- Mohd Ghazali Abdul Aziz. (2001). Isu-Isu Pengurusan Masjid negeri Pahang. *Berita JAIP "al-Wehdah"*, bahagian 1, Januari 2001.
- Mustafa Mansur. (1996). *Bagaimana memiliki khusyuk dalam solat*. Kuala Lumpur: Perniagaan Jahabersa.
- Newman, William Lawrence. (2000). *Sosial Research Methods Qualitative and Quantitative Approaches*. Boston, Allyn and Bacon.
- Rebecca, B., Rubin, Philip Palmgreen, Howard E., Sypher. (1994). *Communication Research Measures A Sourcebook*. New York: Guilford Press.
- Robert V. Krejcie, Daryle W. Morgan. (1970). *Determining sample size for research activities* National Emergency Training Center.
- Salmah Abol.(2001). Pengurusan Masjid Ke Arah Pemupukan Akhlak di Sekitar Daerah Taiping. *Tesis Sarjana*. (tidak diterbitkan) Maktab Pengurusan Tengku Ibrahim.
- Sekaran, U .(2000). *Research Method for Business: A skill approach*. (3nd ed.) John Wiley and Sons Inc.
- Shaikh Ali Mohammad Mokhtar. (1997). *Peranan Masjid Dalam Islam*. Kuala Lumpur: Aspirasi Teras Sdn.Bhd.
- Shukri Ahmad dan Mohammad Khadafi Rofie.(2004). Memasjidkan Masyarakat dan Memasyarakatkan Masjid. Dalam Asmadi Naim dan Mohd Yusnaidi Md Sabri (ed.), *Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Masjid* (pp.300-308), Sintok: Pusat Islam, Universiti Utara Malaysia.
- Sidi Gazalba. (1997). *Masjid Pusat Pembinaan Ummat*. Jakarta: Pustaka Antara
- Toffler, Alvin. (1970). *Future Shock*. New York: Random House.